

12/05/1998

PM yakin G15 mampu (HL)

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KAHERAH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin negara membangun Kumpulan 15 (G15) mempunyai kuasa untuk mempengaruhi negara lain di luar kumpulan itu supaya berganding bahu menangani kegawatan ekonomi.

"G15 sendiri tidak begitu mampu, tetapi ia boleh mempengaruhi beberapa negara lain. Kita memerlukan bantuan daripada seberapa banyak negara lain," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar menjelang Sidang Puncak Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan G15 yang bermula hari ini.

Semalam, Dr Mahathir mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Mesir. Beliau mengadakan pertemuan dengan Presiden Hosni Mubarak dan Perdana Menteri, Kamal Ahmed Ganzouri membincangkan pelbagai perkara dua hala untuk kepentingan bersama.

Dr Mahathir berkata, walaupun menyedari kuasa pasaran begitu berpengaruh terhadap pasaran, satu cara perlulah dicari bagi memisahkan diri daripada sistem itu.

"Kita mengakui kuasa pasaran adalah kuat. Tetapi, kita harus mencari jalan supaya kita terpisah daripada sistem yang memberi kuasa kepada mereka," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pada sidang puncak G15 kali ini, Malaysia masih menumpukan kepada isu kegawatan ekonomi dan masalah di Asia Timur kerana implikasinya terhadap negara membangun yang lain amat besar.

Beliau berpuas hati dengan kehadiran pemimpin negara anggota dalam sidang kali ini. Seramai 12 ketua negara hadir dan ini menunjukkan minat dan komitmen mereka kepada G15 meningkat.

Setakat ini, hanya Dr Mahathir dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe menghadiri semua sidang G15. Sejak menganggotai G15, dagangan Malaysia dalam G15 meningkat 300 peratus.

Perdana Menteri berkata, kehadiran yang menggalakkan daripada pemimpin G15 mungkin kerana mereka ingin tahu bagaimana kegawatan ekonomi di Asia Timur terutama di Indonesia dan Malaysia yang menganggotai kumpulan itu dapat dielakkan di negara mereka.

Dr Mahathir berkata, serangan pedagang kewangan boleh dibuat di mana saja. Tumpuan mereka adalah negara membangun yang sudah menjadi kaya.

"Mereka tidak menyerang negara membangun yang belum cukup kaya," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara yang belum diserang pedagang kewangan tidak boleh menganggap mereka sudah terselamat.

"Biasanya apabila sesuatu berlaku kepada diri kita barulah kita perasan. Ketika ia berlaku di Mexico, kita berpendapat kita terselamat dan tentunya Mexico melakukan sesuatu kesalahan.

"Sekarang ini negara lain pula berpendapat mereka selamat dan Malaysia dan kawan kita (Indonesia) melakukan kesalahan sebagaimana didedahkan media asing," katanya.

Ditanya mengenai implikasi terhadap perbelanjaan kerajaan termasuk Belanjawan akan datang, Dr Mahathir menjelaskan:

"Sudah tentu ia memberi kesan. Syarikat tidak lagi mengisytiharkan keuntungan seperti dulu. Kalau mereka tidak untung, kerajaan juga tidak dapat pungut cukai. Sebab itu kerajaan akan merasai kesan daripada kemerosotan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan cuba membantu syarikat yang menghadapi kesulitan tetapi kerajaan dilemparkan dengan pelbagai tuduhan.

Menurut beluai, harapan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) ialah

Malaysia meminjam wang daripadanya dan mengenakan pelbagai syarat supaya membuka ekonomi Malaysia kepada syarikat asing seratus peratus, tanpa apa-apa syarat lain.

Dengan itu, katanya, mereka akan masuk dan membeli syarikat Malaysia dengan harga murah. Ketika itu mereka bolehlah menguasai segala kegiatan ekonomi Malaysia.

(END)